



MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI
KENYATAAN TAWARAN BIL.:25/2020


TARIKH IKLAN : 05/11/2020

1. Tender adalah dipelawa daripada kontraktor/pembekal yang berdaftar dengan **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA(SSM)**, **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (KKM)** yang tempoh sah laku sehingga 90 hari daripada tarikh tutup Tender serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini untuk Tender berikut:

Bil.	No. Tender	Tajuk Projek	Gred	Kategori	Pengkhususan	Harga (RM)
1.	MBIP/T/80/2020	PERKHIDMATAN MEMBERSIH DAN MENCUCI BANGUNAN MILIK MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI (PAKEJ K) BAGI TEMPOH 24 BULAN	-	KKM	221001	60.00
2.	MBIP/T/81/2020	PERKHIDMATAN MEMBERSIH DAN MENCUCI BANGUNAN MILIK MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI (PAKEJ L) BAGI TEMPOH 24 BULAN	-	KKM	221001	60.00

2. Dokumen Meja Tender akan dipamerkan mulai **09 November 2020** hingga **30 November 2020** semasa waktu pejabat di Kaunter Unit Perolehan, Bahagian Pentadbiran Am, Bangunan Kabin, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Skudai, Johor.
3. Dokumen tender boleh diperolehi mulai **09 November 2020** hingga **30 November 2020** di Kaunter Unit Perolehan, Bahagian Pentadbiran Am, Bangunan Kabin MBIP, dengan mengemukakan bayaran dokumentasi hendaklah dibuat dalam bentuk **draf bank** daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau kiriman **wang pos (money order)** atau **wang kiriman pos berpalang (postal order)** dan dibayar atas nama Majlis Bandaraya Iskandar Puteri. **Wang tunai atau cek tidak boleh diterima.**
4. Dokumen tender akan hanya dikeluarkan kepada kontraktor/pembekal yang sah sahaja. Untuk maksud ini kontraktor/pembekal hendaklah membawa dokumen asal **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)**.

5. Kontraktor/pembekal dikehendaki menyediakan satu salinan Surat Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) semasa membuat pembelian dokumen tender.
6. Petender - petender yang berminat boleh menghubungi Bahagian Pengurusan Harta, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri di talian 07-5555111/5244-JPPH atau emel ke pengurusan.harta@mbip.gov.my untuk sebarang pertanyaan lanjut.
7. Setiap tawaran tender hendaklah dikemukakan dalam **DUA (2)** sampul surat berlakri (sealed).
 - Sampul surat **PERTAMA - CADANGAN KEWANGAN**
 - Sampul surat **KEDUA - CADANGAN TEKNIKAL**
8. Pada sampul surat **PERTAMA** perlu ditandakan di sudut kiri sebelah atas dengan perkataan **CADANGAN KEWANGAN** manakala pada sampul surat **KEDUA** perlu ditandakan di sudut kiri sebelah atas dengan perkataan **CADANGAN TEKNIKAL**.
9. Petender **tidak dibenarkan** meletak sebarang nama, tanda atau logo syarikat pada **CADANGAN TEKNIKAL**.
10. Dokumen - dokumen lain yang tiada kaitan dengan CADANGAN TEKNIKAL bolehlah dihantar bersama dengan CADANGAN KEWANGAN.
11. Kedua - kedua sampul tersebut (PERTAMA dan KEDUA) kemudiannya hendaklah dimasukkan ke dalam **SATU (1) sampul surat berlakri (sealed)** serta dimasukkan ke dalam peti tawaran di Unit Perolehan, Bangunan Kabin, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Skudai sebelum atau pada tarikh 30 NOV 2020 jam 12.00 tengah hari



(HAJI SALEHUDDIN BIN HAJI HASSAN)

Datuk Bandar,

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri